

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	30 October 2015

Sekolah perlu kerap diaudit: PM

BH - 30/10/2015

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan perlu melakukan audit dengan kerap bagi memastikan keadaan semua sekolah kerajaan, termasuk sekolah kebangsaan Tamil berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk sesi pembelajaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau yakin dan percaya dengan langkah susulan yang diambil itu mampu meningkatkan kesungguhan tenaga pengajar dan prestasi sekolah terbabit supaya menjadi lebih baik, pada masa depan.

Najib berkata berkata, ke-

rajaan memandang berat perihai kebajikan pelajar terutamanya pada peringkat awal pembelajaran kerana golongan berkenaan ialah pemimpin masa depan negara.

Prestasi bertambah baik

“Saya yakin dan percaya dengan langkah-langkah susulan yang kita akan ambil ini dan dengan dedikasi bersungguh-sungguh tenaga pengajar, prestasi sekolah ini akan terus bertambah baik lagi pada masa yang akan datang, insya-Allah.

“Tengah hari tadi (semalam) saya berpeluang melawat Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

(SJKT) Dengkil untuk meninjau keadaan sekolah dan juga murid-muridnya,” katanya menerusi blog rasminya susulan lawatan ke SJKT Dengkil, Se-

“

Kerajaan memandang berat perihai kebajikan pelajar terutamanya pada peringkat awal pembelajaran”

Najib Razak,
Perdana Menteri

pang dekat sini, semalam.

Berikutan itu Perdana Menteri mengarahkan Kementerian Pendidikan mengambil langkah segera untuk membaik pulih pelbagai kemudahan asas sedia ada di SJKT Dengkil bagi memastikan ke-selesaian tenaga pengajar dan pelajar di sekolah terbabit.

“Setelah peninjauan, saya mengarahkan penambahbaikan SJKT Dengkil dilakukan dengan kadar segera bagi menangani masalah longkang terbuka, membaik pulih sistem pendawaian, makmal sains, pagar sekolah, membaiki kebocoran bumbung, kantin dan pusat sumber,” katanya.